

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENDAPATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pendapatan dan perbelanjaan setiap PBT di Negeri Selangor.
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai langkah untuk membantu PBT yang menghadapi pendapatan kewangan yang rendah supaya pembangunan seimbang dengan bandar?

JAWAPAN:

- a) Pendapatan PBT terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil manakala perbelanjaan pulak terdiri daripada perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan pembangunan. Pecahan pendapatan dan perbelanjaan dari tahun 2016 sehingga 2017 mengikut PBT adalah seperti jadual berikut:

PBT	Tahun 2016 (Audited)		Tahun 2017 (Unaudited)	
	Pendapatan	Perbelanjaan	Pendapatan	Perbelanjaan
MBSA	396,791,990	380,598,221	442,190,125	418,029,678
MBPJ	375,240,361	378,090,831	385,119,914	422,620,662
MPK	239,810,141	202,721,152	245,448,671	223,145,456
MPAJ	129,364,252	157,619,051	137,787,763	133,926,243
MPSJ	269,896,181	269,616,208	282,017,797	291,662,637
MPS	188,669,548	167,221,855	289,999,175	265,642,895
MPKj	182,317,020	166,924,357	194,752,940	201,110,490
MPSp	146,457,478	107,387,402	155,504,794	122,789,420
MDKL	72,099,845	48,800,138	63,158,096	53,653,146
MDHS	80,301,130	79,772,668	83,489,372	69,732,616

PBT	Tahun 2016 (Audited)		Tahun 2017 (Unaudited)	
	Pendapatan	Perbelanjaan	Pendapatan	Perbelanjaan
MDKS	54,994,294	53,895,900	61,599,495	60,139,277
MDSB	26,178,299	25,934,704	22,139,603	23,306,056
JUMLAH	2,162,120,539	2,038,582,487	2,363,207,745	2,285,758,576

- b) Kerajaan Negeri sentiasa memantau kutipan Cukai taksiran bagi semua PBT melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Negeri bagi memastikan kutipan memenuhi sasaran berikutan ianya merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Selain itu, PBT juga memberi fokus untuk meningkatkan aktiviti hasil bukan cukai dalam usaha meningkatkan hasil yang ternyata akan memperkukuhkan rizab Majlis.

Dalam usaha mengimbangi pembangunan di antara daerah-daerah di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah melaksanakan perancangan pembangunan berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 yang diselaraskan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : LOJI WASTE TO ENERGY (WTE)

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat membina lebih banyak loji WTE bagi menggantikan tapak pelupusan sampah sekarang? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Nyatakan status terkini pembinaan loji WTE di Tapak Pelupusan Sanitari Jeram oleh Worldwide Holdings Berhad.

JAWAPAN:

- a) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Darul Ehsan Ke 16/2016 yang diadakan pada 11 Mei 2016 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Darul Ehsan Ke 17/2016 pada 18 Mei 2016 telah menimbang dan bersetuju WHB menerajui usaha untuk membangunkan dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)* bersebelahan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Kuala Selangor.

Untuk makluman, ISWMC adalah satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menyeluruh merangkumi fasiliti atau kemudahan seperti berikut:

- (1) Loji *Waste To Energy* (WTE);
- (2) Loji Kitar Semula;
- (3) Loji Pencernaan Anerobik (AD);
- (4) Loji Kompos;
- (5) Loji Kitar Semula Sisa Binaan; dan
- (6) Pusat Penyelidikan & Pembangunan

Dengan adanya ISWMC ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barangan kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor.

- b) Dalam hal pelaksanaan pembangunan Loji WTE, WHB telah melaksanakan tindakan meliputi perkara-perkara seperti berikut:
- (1) pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Studies*) untuk pembangunan loji WTE. Kajian antara lain mendapati sistem '*Moving Grate*' atau '*Stoker*' adalah sistem yang paling sesuai untuk dilaksanakan dan lokasi loji WTE juga didapati sesuai untuk dibangunkan di TPSJ Kuala Selangor;
 - (2) pelaksanaan Kajian Pengasingan Sumber Sampah (*Segregation of Source Study*) yang mendapati ISWMC akan memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sebanyak sekurang-kurangnya 4 kali jangka hayat tapak pelupusan semasa sisa pepejal berikutan kaedah memproses sisa pepejal berdasarkan kapasiti dan jenis sisa pepejal yang diterima;
 - (3) penilaian ke atas penyedia teknologi (*Technology Provider*) yang berpotensi untuk dijadikan rakan kongsi bagi pembangunan ISWMC. Penilaian yang dibuat meliputi aspek teknikal, kewangan, perundangan dan korporat;
 - (4) pembangunan kapasiti dan kemahiran ISWMC melalui latihan-latihan modal insan, lawatan ke loji-loji di negara yang telah menggunakan konsep WTE serta menubuhkan satu jabatan khusus sebagai nukleus kepada pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja, pembangunan kemahiran teknikal dan teknologi;
 - (5) mengenalpasti instrumen kewangan yang sesuai untuk digunakan dengan institusi kewangan yang terlibat;
 - (6) mengadakan perbincangan dengan pihak *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) berkaitan laluan transmisi yang akan menghubungkan TPSJ dengan Pencawang Masuk Utama (PMU) terdekat di Kapar untuk tenaga yang akan dijana dari Loji WTE. Perbincangan dengan SEDA juga melibatkan permohonan kuota tenaga boleh diperbaharui dan tarif elektrik; dan
 - (7) menyenarai pendek perunding alam sekitar bagi penyediaan Laporan Kajian Impak Kepada Alam Sekitar (EIA) untuk dikemukakan, diteliti dan diluluskan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : HAIWAN LIAR - MONYET DAN KERA

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah penyelesaian Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah monyet dan kera di kawasan pekebun kecil yang menghasilkan tanaman kontan seperti pisang, nenas dan sayur-sayuran?

JAWAPAN:

- a) Dalam menangani konflik hidupan liar ini, Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pelbagai usaha mitigasi bagi mengatasi dan mengurangkan jumlah aduan daripada orang ramai yang diterima setiap hari dengan kaedah-kaedah seperti pemantauan, pelupusan populasi secara terancang, tembak-halau dan tangkap-pindah. Gangguan hidupan liar ini bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan pertanian malah di kawasan penempatan yang berhampiran habitat asal hidupan liar ini.

Sehubungan dengan itu, dalam memastikan spesies hidupan liar ini dipelihara secara lestari, pihak Jabatan bertanggungjawab mengambil sebarang tindakan yang praktikal bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat terpelihara dari sebarang ancaman yang boleh mengganggu ketenteraman awam. Langkah-langkah pengurusan yang diambil oleh pihak Jabatan mengambil kira pelbagai faktor dan keperluan orang ramai yang pelbagai.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak Jabatan bagi mengawal populasi dan mengatasi aduan gangguan hidupan liar seperti berikut adalah berdasarkan kepada prosedur yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan dan kelestarian spesies hidupan liar tersebut :

- 1 : Mengawal populasi konflik dengan menjalankan tindakan penakaian (*culling*) yang merupakan kaedah biasa yang diamalkan dalam pengurusan hidupan liar. Kaedah ini digunapakai bagi mengawal populasi melalui pengurangan secara terkawal spesies konflik yang mendatangkan aduan gangguan yang tinggi. Ini bagi mengelakkan kelimpahan populasi spesies berkenaan yang boleh mendatangkan kemusnahan dan menjadi ancaman kepada

keselamatan orang awam. Kaedah yang dilaksanakan dibawah tindakan ini adalah seperti berikut:

1.1 : Tangkap hapus dimana perangkap diletakkan dikawasan yang aduan yang bermasalah dan haiwan yang ditangkap akan dikurangkan melalui suntikan secara *humane*.

1.2 : Menjalankan operasi basmi musuh tanaman bersama penduduk setempat dan *stakeholder* yang terlibat melalui kerjasama-kerjasama yang dijalankan dengan mengambil kira sensitiviti masyarakat setempat semasa menjalani operasi tersebut.

1.3 : Antara lain pengawalan secara tangkap pindah dimana spesies konflik tersebut akan ditangkap menggunakan perangkap pindah dan memindahkan ke kawasan hutan yang lebih luas dan jauh dari penempatan manusia.

Di bawah Program Kesejahteraan Rakyat Kawalan Gangguan Hidupan Liar, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM165,400.00 pada tahun 2017 manakala bagi tahun 2018 sebanyak RM187,500.00 diperuntukkan merangkumi pelbagai inisiatif pihak kerajaan dalam pengurusan konflik manusia – hidupan liar yang sering menimbulkan konflik dan gangguan di kawasan penempatan atau kebun tanaman bagi menjamin kesejahteraan rakyat agar lebih selamat dan terjamin.

Kerajaan Negeri pula telah memperuntukkan sebanyak RM360,800 pada tahun 2017 melibatkan aktiviti-aktiviti alam sekitar seperti inventori hidupan liar dan turut memperuntukkan bagi tujuan aktiviti kesedaran awam dalam usaha memperkasakan Akta Pemeliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) serta kesedaran awam mengenai hidupan liar di Negeri Selangor tentang pentingnya mengekalkan habitat yang bersesuaian keluasannya di kawasan perbandaran atau penempatan bagi hidupan liar ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : TEMPAT PARKIR RUMAH FLAT, PANGSAPURI DAN CONDO

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tempat parkir di kawasan flat, pangsapuri dan condo yang tidak mencukupi mengakibatkan kenderaan parkir di luar kawasan telah mendatangkan masalah kesesakan lalulintas. Apakah tindakan yang telah ambil oleh Kerajaan Selangor untuk menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin akan masalah kesesakan lalu lintas yang berpunca daripada halangan kenderaan parkir di luar kawasan. Oleh itu, tindakan penguatkuasaan di bawah seksyen 46 (1)(g) Akta Jalan, Parit dan Bangunan Akta 133 iaitu kesalahan memberhentikan kenderaan di siar kaki dan Undang-undang Kecil (UUK) Taman Seksyen 8(1) iaitu meletakkan kenderaan di dalam sesuatu taman selain daripada tempat yang telah disediakan untuk meletakkan kenderaan dikenakan kepada pemilik kenderaan bagi mengurangkan masalah kesesakan lalulintas.

Pada masa yang sama, PBT telah menerang dan menjelaskan kepada pembeli-pembeli, pemilik-pemilik dan penghuni di skim berstrata menurut peruntukan yang terdapat di dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). JMB boleh mengatur dan mengawal tiap-tiap kenderaan agar diletakkan di ruang parkir yang telah diperuntukkan tanpa menyebabkan apa-apa halangan kepada mana-mana kenderaan bersebelahan atau laluan trafik. Kenderaan yang di parkir secara tidak wajar boleh di tunda atau di kunci oleh pihak JMB atas kos pemilik kenderaan tanpa/ dengan notis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGERIK)**

TAJUK : PERSIAPAN SUKAN MALAYSIA 2018

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah tahap persiapan kontinjen Selangor dalam menghadapi Sukan Malaysia 2018 yang akan berlangsung di Perak tidak lama lagi?
- b) Berapakah sasaran pingat emas oleh kontinjen Selangor untuk kejohanan Sukan Malaysia 2018?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sedang berada di fasa IV iaitu merupakan fasa akhir bagi persiapan pasukan SUKMA Negeri Selangor. Kurang sebulan lagi pihak Majlis Sukan Negeri Selangor akan berangkat ke Negeri Perak selaku tuan rumah pada edisi SUKMA ke 19 ini bermula 11 hingga 22 September 2018.

Di fasa akhir ini, pasukan lebih menumpukan kepada program-program pemantapan dalaman dan mental atlet serta menyertai kejohanan-kejohanan untuk mengukur tahap pencapaian pasukan masing-masing.

- b) Berikut adalah sasaran pingat Kontinjen Selangor pada Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) 2018 :-

Bil	Sukan	Sasaran Pingat		
		Emas	Perak	Gangsa
1	Akuatik (Renang)	10	5	5
	Akuatik (Terjun)	3	1	1
2	Berbasikal	3	3	3
3	Olahraga	3	3	3
4	Pencak Silat	3	2	2
5	Lawn Bowls	2	2	2
6	Memanah	2	2	2
7	Angkat Berat	4	2	2
8	Gimnastik	2	2	1

Bil	Sukan	Sasaran Pingat		
		Emas	Perak	Gangsa
9	Menembak	2		
10	Taekwondo	3	2	2
11	Pelayaran	2	2	1
12	Petanque	2		2
13	Karate-Do	2	2	2
14	Badminton	2	3	2
15	Tenpin Bowling	1	3	3
16	Bola Keranjang	1	1	1
17	Judo	1	1	1
18	Muay	1		1
19	Kriket	1		
20	Sepaktakraw		2	2
21	Wushu		2	1
22	Bola Baling		1	1
23	Hoki		1	1
24	Skuasy		1	
25	Ragbi		1	
26	Tinju			2
27	Bola Sepak			1
28	Bola Jaring			1
29	Futsal			1
30	Golf			1
Jumlah Pingat		50	44	47

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : JALAN LADANG

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk membaikpulih jalan ladang yang rosak teruk dan menyebabkan hasil pekebun tidak dapat dikeluarkan?
- b) Apakah langkah Kerajaan untuk menaiktaraf hidup mereka?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk membaikpulih jalan ladang melalui peruntukan MARRIS. Skop kerja bagi peruntukan MARRIS adalah kerja penyelenggaraan dan pembaikan jalan ladang mengikut spesifikasi sediaada.
- b) Langkah yang diambil Kerajaan untuk menaiktaraf hidup mereka adalah dengan menyediakan infrastruktur bagi melancarkan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil. Selain itu, terdapat juga program-program untuk meningkatkan hasil pertanian seperti *Good Agricultural Practice* (myGAP) yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian untuk meningkatkan pemahaman petani dalam teknik-teknik penjagaan tanaman dan juga lain-lain program berkaitan. Selain itu, kerjasama FAMA dalam aspek pemasaran juga membantu meningkatkan hasil jumlah jualan tanaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PENCEMARAN OLEH KILANG-KILANG HARAM DI KUALA LANGAT

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kilang haram yang memproses plastik import telah mencemari udara di Daerah Kuala Langat. Begitu juga dengan pembakaran terbuka dan kilang-kilang lain yang mengeluarkan asap sama ada kilang haram atau berlesen. Bagaimanakah Jabatan Alam Sekitar menjalankan pemantauan berkala terhadap kilang-kilang ini?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Alam Sekitar telah terlibat dalam Operasi Penguatkuasaan Bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi termasuklah Majlis Daerah Kuala Langat, Pejabat Tanah dan Polis Diraja Malaysia telah dilaksanakan pada 24 Julai 2018 dan 02 Ogos 2018 untuk mengatasi masalah pencemaran daripada aktiviti kilang haram yang memproses buangan plastik di sekitar Kuala Langat. Operasi penguatkuasaan bersepadu akan diteruskan bersama-sama agensi-agensinya tersebut untuk membentasi aktiviti kilang haram ini. Susulan daripada operasi tersebut Jabatan Alam Sekitar mengambil tindakan kepada premis atau kilang yang gagal mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya supaya mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah pencemaran udara yang berlaku. Selain dari itu, tindakan kompaun dan tindakan mahkamah diambil sebagai denda ke atas kesalahan tersebut.

Seterusnya pegawai penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar akan menjalankan pemeriksaan penguatkuasaan susulan bagi memastikan premis atau kilang berkenaan telah mematuhi Notis Arahan yang dikeluarkan.

Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan program penguatkuasaan secara berjadual ke atas kilang-kilang yang dikenalpasti berisiko melakukan pencemaran udara bagi memastikan kilang-kilang tersebut sentiasa mematuhi peraturan.

Jabatan Alam Sekitar juga turut menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku aktiviti pembakaran terbuka yang boleh mengakibatkan pencemaran kepada kualiti udara seperti di kawasan industri dan ladang di Kuala Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : AGENDA PERLINDUNGAN SOSIAL DAN KEBAJIKAN

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan bagi agenda perlindungan sosial dan kebajikan untuk mengurangkan kadar kemiskinan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai keperluan agenda perlindungan sosial dan kebajikan bagi mengurangkan kadar kemiskinan negeri. Terdapat pelbagai program kebajikan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri pada masa kini untuk diberikan kepada rakyat yang layak dan memerlukan melalui Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dalam membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Walau bagaimanapun, perancangan jangka panjang juga perlu disediakan khususnya kepada golongan muda yang mempunyai keupayaan dari segi fizikal, mental dan tenaga untuk keluar dari kelompok kemiskinan dengan menyertai program-program pemberdayaan atau pembangunan yang disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan. Ini sekaligus dapat meningkatkan taraf kehidupan serta mengurangkan kebergantungan mereka terhadap bantuan dari Kerajaan Negeri semata-mata.

Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri tidak akan sekali-kali mengeneipkan golongan yang benar-benar tidak berkemampuan dan amat memerlukan bantuan kebajikan. Oleh itu diteruskan bantuan-bantuan yang bersesuaian kepada mereka yang tidak boleh diupayakan wajar diteruskan memandangkan faktor-faktor yang tidak dapat elakkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PROJEK LRT3

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan pembatalan beberapa stesen dan pengurangan gerabak projek LRT3?
- b) Apakah hasil perbincangan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berkenaan hal tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan projek LRT3 dengan beberapa perubahan yang perlu diambil kira di dalam pelan rasionalisasi projek LRT3 oleh pihak Prasarana. Berdasarkan pelan rasionalisasi tersebut, jajaran LRT3 masih dikekalkan iaitu sepanjang 37 kilometer, dengan jumlah stesen sebanyak 20 buah stesen dan 3 stesen integrasi, manakala 5 buah stesen telah ditangguhkan iaitu Stesen Tropicana, Stesen Temasya, Stesen Raja Muda, Stesen Bukit Raja dan Stesen Bandar Botanik serta sebuah stesen yang dibatalkan iaitu Stesen Hishamuddin termasuk jajaran bawah tanah di stesen berkenaan. Pelan rasionalisasi ini juga akan melibatkan pengurangan gerabak, pindaan rekabentuk serta pengecilan saiz stesen yang lebih komprehensif.

Pelan rasionalisasi ini memberi kesan terhadap implikasi kos keseluruhan yang lebih rendah berbanding kos asal iaitu pengurangan sebanyak RM15 bilion berbanding kos asal sebanyak RM31.65 bilion. Selain daripada itu, penangguhan dan pembatalan stesen bukan sahaja dapat mengelakkan isu-isu bantahan, malah penangguhan tersebut dibuat berdasarkan jumlah pengguna yang rendah serta kedudukannya yang berhampiran dengan stesen bersebelahan yang mensasarkan pengguna daripada kawasan yang sama. Selaras dengan perubahan-perubahan yang dinyatakan di dalam pelan rasionalisasi tersebut, tempoh pelaksanaan dijangka akan berlanjutan sehingga ke tahun 2024 berbanding jangkaan asal pada tahun 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelan rasionalisasi ini telah dibentangkan oleh pihak Prasarana untuk pemakluman kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri sentiasa menyokong sebarang perubahan yang diusulkan jika ianya memberi kebaikan seperti penjimatan kos secara keseluruhan yang pastinya dapat membantu kerajaan mengurangkan beban kewangan negara pada ketika ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : HOSPITAL

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta senaraikan semua hospital kerajaan di Selangor berserta saiz hospital untuk menampung pesakit.
- b) Adakah usaha Kerajaan untuk membina sebuah hospital baru di kawasan Semenyih? Seperti yang sedia maklum Hospital Kajang sekarang tidak mampu menampung pesakit dari kawasan sekitar yang ramai.

JAWAPAN:

- a) Jumlah katil hospital di Negeri Selangor 2018.

BIL	HOSPITAL	JUMLAH KATIL
1.	HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG (HTAR)	1154
2.	HOSPITAL SELAYANG	1008
3.	HOSPITAL SERDANG	694
4.	HOSPITAL AMPANG	562
5.	HOSPITAL SG. BULUH	798
6.	HOSPITAL KAJANG	326
7.	HOSPITAL SHAH ALAM	300
8.	HOSPITAL BANTING	162
9.	HOSPITAL KUALA KUBU BAHARU (HKKB)	120
10.	HOSPITAL TANJUNG KARANG	114
11.	HOSPITAL TENGKU AMPUAN JEMAAH, SABAK BERNAM (HTAJ)	93
12.	HOSPITAL ORANG ASLI, GOMBAK (HOAG)	93
13.	PUSAT KAWALAN KUSTA NEGARA, SUNGAI BULUH (PKKN)	90
JUMLAH		5514

- b) Buat masa ini, masih belum ada perancangan bagi pembinaan sebuah Hospital di Semenyih, memandangkan projek Naiktaraf Hospital Kajang : Pembinaan Kompleks Women and Child Care telah bermula dan dijangka siap pada April 2021 dengan kapasiti 272 buah bilangan katil. Manakala hospital yang berdekatan yang masih dalam pembinaan ialah Hospital Cyberjaya yang dijangkakan siap pada November 2020 dengan kapasiti 288 buah bilangan katil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : DASAR PEMBANGUNAN DESA

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan pembangunan lot rumah yang tidak tersusun di tanah pertanian kampung tradisi?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan lot tapak rumah atau perumahan pekerja estet di atas tanah Kerajaan?
- c) Bagaimanakah perancangan penstrukturan semula kampung-kampung bagan?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada Kajian Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Selangor 2035 telah dikenalpasti terdapat 519 buah kampung dan dari jumlah tersebut 368 adalah Kampung Tradisi.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri pada tahun ini sedang menyediakan Pelan Tindakan Khas (PTK) Kajian Penstrukturan Semula Kampung Dalam Bandar Negeri Selangor 2019 - 2023 dengan peruntukan RM1.5 juta sebanyak telah mengenalpasti 27 buah kampung dalam bandar yang mempunyai penduduk lebih daripada 10,000 orang telah dikenalpasti untuk diselia Pelan Perancangan Gunatanah secara terperinci serta mengkaji pendekatan perancangan bersesuaian bagi pembangunan tanah pertanian termasuklah lot-lot lidi.

- b) Kerajaan Negeri buat masa kini tiada perancangan untuk menyediakan lot tapak rumah atau perumahan pekerja estet, namun demikian Kerajaan Negeri bersedia untuk mengkaji secara terperinci sebelum sebarang keputusan dibuat berkenaan perkara tersebut.
- c) Kerajaan Negeri telah menjalankan Kajian Pembangunan Penempatan Penduduk Kampung Baru di Kawasan Bagan Negeri Selangor pada tahun 2015. Kajian ini menggariskan perancangan dan cadangan penyelesaian isu penempatan penduduk di Kampung Bagan Negeri Selangor seperti menaiktaraf dan menyediakan kemudahan awam dan masyarakat, menaiktaraf jeti awam sedia ada, menaiktaraf

laluan masuk utama dan cadangan tempat pembuangan sampah berpusat serta membangunkan pusat penjualan hasil kampung.

Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Selangor 2035 yang disediakan pada tahun 2017 juga turut mengenalpasti beberapa tindakan dan perancangan bagi petempatan 19 buah Kampung Bagan di daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Klang untuk dirancang dalam keadaan yang teratur dan lengkap dengan kemudahan asas yang diperlukan bagi meningkatkan kualiti kehidupan penduduk.

Tindakan strategik antara yang dikenalpasti adalah penyediaan Pusat Mikro Smart Desa (MSD) Selangor di Kampung Bagan Sungai Buloh/Sasaran Sabak Bernam dan Kampung Bagan Pulau Ketam, Klang yang berperanan sebagai pusat sehenti yang menyediakan perkhidmatan seperti Mini Smart Library, Kebun Smart Komuniti dan Smart Desa Shoppe – Smart Agro Shope yang memasarkan produk tempatan dan kraftangan, tandas awam dan tempat letak kenderaan.

Selaras dengan matlamat memberdayakan masyarakat desa termasuklah di kampung-kampung bagan ke arah '**Global Village**' dengan izin, Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Selangor 2035 turut mengenalpasti tiga (3) buah kampung bagan daripada keseluruhan 46 buah kampung sebagai model perintis SmartDesa Selangor (SDS) yang akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan luar bandar di negeri Selangor iaitu Kampung Bagan Sungai Buloh/Sasaran sebagai model Smart Desa Pelancongan, Kampung Bagan Sungai Yu di Kuala Selangor sebagai model Smart Desa Eko dan Kampung Bagan Nakhoda Omar di Sabak Bernam sebagai model Smart Desa Resilien.

Walau bagaimanapun, fasa pelaksanaan perancangan ini adalah sehingga tahun 2035 dan tertakluk kepada inisiatif dan kemampuan kewangan agensi pelaksana di peringkat kerajaan Negeri, Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

**TAJUK : STATUS LARANGAN BERCERAMAH DI MASJID DAN SAGUHATI
KEPADA PENCERAMAH**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah larangan berceramah di masjid oleh YB-YB yang miliki tauliah mengajar di masjid dan surau masih lagi berkuatkuasa? Sejauh manakah surau masjid mematuhi larangan ini?
- b) Adakah cadangan untuk mengawal dan menyelaraskan bayaran saguhati kepada pengajar-pengajar di masjid dan surau?

JAWAPAN:

- a) Soalan ini dijawab bersekali dengan pertanyaan berhubung Isu Mengajar Atau Memberi Kuliah di Masjid dan Surau daripada Taman Medan. Selaras dengan arahan MAIS yang melarang penggunaan masjid sebagai gelanggang politik bertujuan untuk mengelakkan sebarang perpecahan, mengekalkan perpaduan ummah dan keharmonian ahli kariah, maka larangan ini telah dikeluarkan kepada semua masjid dan surau di Negeri Selangor.
- b) Tiada. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengawal dan menyelaraskan bayaran saguhati kepada pengajar-pengajar di masjid dan surau memandangkan bidang kuasa menentukan kadar adalah di bawah jawatankuasa pengurusan masjid dan surau berkenaan, sebagaimana dinyatakan dalam "Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid Dan Surau Negeri Selangor".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PENAPISAN PENERIMA BANTUAN KISS

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana penapisan kepada penerima-penerima KISS?
- b) 1) ada yang hilang kelayakan kerana anak telah berumur lebih 21 tahun.
- c) 2) ada yang memalsukan dokumen pengesahan pendapatan.

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri amat berbesar hati terhadap sambutan luar biasa daripada golongan ibu dan suri rumah terhadap program KISS ini. Kebanjiran permohonan yang diterima dari setiap pelusuk DUN di Selangor menunjukkan keberkesanan hebahan program yang dibuat melalui media masa dan kerjasama Pejabat-pejabat DUN di Selangor yang sentiasa positif dalam menerima kedatangan rakyat untuk menerima borang permohonan Program KISS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses tapisan penerima bantuan Program KISS ini adalah merupakan tanggungjawab pihak Pejabat DUN dengan memastikan penerima adalah benar-benar layak dan melepasi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri seperti berikut :-

- i. Warganegara Malaysia; dan
- ii. Lahir di Selangor atau menetap di Selangor melebihi 10 tahun; dan
- iii. Seorang wanita berkeluarga atau ibu tunggal yang mempunyai anak di bawah umur 21 tahun; dan
- iv. Berpendapatan isi rumah di bawah RM2,000.00 sebulan; atau
- v. Pemilih berdaftar di Selangor.

Selain itu, Pejabat DUN juga bertanggungjawab untuk menyemak dan membuat saringan nama pemohon dengan membuat pengesahan terhadap borang serta dokumen yang dilampirkan seperti berikut :-

- i. Borang Permohonan Program Kasih Ibu Smart Selangor
- ii. Salinan Kad Pengenalan
- iii. Salinan Kad Pengenalan, MyKid atau Surat Kelahiran
- iv. Salinan Slip Gaji / Pencen (untuk penjawat awam / pesara)
- v. Salinan Penyata EA* atau KWSP* (untuk pekerja swasta)
- vi. Salinan Sijil Kematian / Bercerai (untuk ibu tunggal)

Setelah pengesahan dilakukan, senarai pemohon yang layak akan dikemukakan kepada pihak Selcare Management Sdn Bhd selaku pengendali Program KISS untuk diproses bagi tujuan penyediaan kad KISS dan seterusnya akan diserahkan kepada Pejabat DUN untuk diedarkan kepada penerima bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PERTUKARAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DARIPADA BARISAN
NASIONAL KEPADA PAKATAN HARAPAN**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor juga akan mengubah dasar-dasar pentadbirannya selari dengan Kerajaan Persekutuan?
- b) Nyatakan perubahan yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : HARGA RUMAH MAMPU MILIK

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membina rumah kos rendah di bawah harga Seratus Ribu Ringgit Malaysia (RM100,000.00) untuk golongan belia bawah umur 35 tahun?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor masih mengekalkan harga Rumah di bawah RM100,000.00 kepada golongan sasar termasuk golongan belia. Sebagai langkah proaktif Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 2.0) yang berkuatkuasa pemakaiannya bermula pada 02 April 2018. Melalui dasar tersebut terdapat Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku) yang dijual di antara RM42,000.00 hingga RM250,000.00 mengikut saiz/ luas bangunan. Berikut merupakan penyediaan komponen Rumah Selangorku 2.0 seperti jadual di bawah.

KOMPONEN RUMAH SELANGORKU 2.0	LUAS MINIMUM BINAAN (KAKI PERSEGI)	HARGA JUALAN MAKSIMUM (RM)
BERTINGKAT (PANGSAPURI)		
JENIS A	700	42,000.00
JENIS B	750	100,000.00
JENIS C	800	150,000.00
JENIS D	900	200,000.00
JENIS E*	900	250,000.00

KOMPONEN RUMAH SELANGORKU 2.0	LUAS MINIMUM BINAAN (KAKI PERSEGI)	HARGA JUALAN MAKSIMUM (RM)
BERTANAH (RUMAH BANDAR** & TERES)		

KOMPONEN RUMAH SELANGORKU 2.0	LUAS MINIMUM BINAAN (KAKI PERSEGI)	HARGA JUALAN MAKSIMUM (RM)
JENIS A	700 (Rumah Bandar**)	42,000.00
JENIS B	750 (Rumah Bandar**)	100,000.00
JENIS C	1,000 (Rumah Bandar**)	200,000.00
JENIS D	900 (Rumah Teres 20' x 60')	250,000.00

- * Hanya tertakluk bagi kawasan di bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).
- * Rumah Bandar Selangorku ditetapkan dua (2) pemilik bagi satu lot / blok Rumah Bandar
- * Nota : Rumah Selangorku jenis Rumah Bandar dan Teres diwajibkan dalam Zon 3 [Daerah Kuala Selangor (Mukim Pasangan, Tanjung Karang dan Hulu Tinggi), keseluruhan Daerah Hulu Selangor, keseluruhan Daerah Sabak Bernam]

Sehingga kini, berdasarkan rekod Sistem Pendaftaran Permohonan Hartanah Negeri Selangor, pihak LPHS telah menawarkan sebanyak **9,922 unit** Rumah Selangorku kepada golongan belia di bawah umur 35 tahun.

Di samping itu, sehingga kini terdapat sebanyak **30,992 unit** Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah harga RM100,000.00 untuk ditawarkan kepada golongan belia.

Bagi golongan belia / bujang di bawah umur 35 tahun yang ingin memohon Rumah Selangorku, mereka perlulah membuat permohonan / berdaftar di LPHS mengikut syarat-syarat yang ditetapkan sebelum ditawarkan rumah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : PERSEMPADANAN SEMULA PILIHANRAYA DI SELANGOR

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah persempadanan semula Pilihanraya di Selangor, adakah Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk berbincang dengan SPR dan membuat persempadanan baru yang lebih memudahkan rakyat mendapat khidmat yang terbaik daripada pihak pentadbir?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENDERAAN KANAK-KANAK

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Negeri Selangor hanya mempunyai 1 rumah selamat kanak-kanak, iaitu Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menambahbaik perlindungan kanak-kanak, dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Malaysia?

JAWAPAN:

- a) Mengikut Akta Kanak-Kanak 2001, mana-mana kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan boleh ditempatkan di tempat selamat. Tempat selamat di Negeri Selangor adalah Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah.

Penempatan kanak-kanak di institusi merupakan pilihan terakhir selaras dengan semangat penjagaan berasaskan keluarga. Selain daripada penempatan di tempat selamat, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh memerintahkan kanak-kanak untuk ditempatkan di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai, jagaan ibu bapa pelihara dan pusat.

Bagi menambahbaik perkhidmatan perlindungan kanak-kanak, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dan merancang program berikut:

1- Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Negeri

Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) Selangor merancang untuk mewujudkan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Negeri yang akan berfungsi sebagai pusat aktiviti, pusat advokasi, pusat sumber, pusat pembelajaran, pusat intervensi krisis dan pusat sosial dan rekreasi untuk kanak-kanak.

2- Program Selangor Teen Volunteers

Pewujudan sukarelawan kanak-kanak Negeri Selangor atau dikenali sebagai Selangor *Teen Volunteers* adalah inisiatif bersama antara Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor dan JKMN Selangor. Objektif program adalah untuk:

- i. Meningkatkan kesedaran kanak-kanak berkaitan amalan dan nilai murni bagi membentuk peribadi seimbang;
- ii. Memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyertai, menyumbang idea dan bagi bagi peningkatan potensi diri;
- iii. Menanam sifat tanggungjawab, prihatin dan rasa ingin menolong terhadap masyarakat tanpa mengharapkan balasan; dan
- iv. Memberi galakan kanak-kanak menyuarakan pendapat dan pandangan secara bertanggungjawab dan beretika bagi merangka program demi kepentingan kanak-kanak.

Kanak-kanak yang terlibat dalam program Selangor Teen Volunteers akan lebih terdedah kepada perkhidmatan JKM dan perkara-perkara berkaitan kanak-kanak seperti hak dan isu perlindungan kanak-kanak. Kanak-kanak ini kemudiannya akan menjadi pihak yang akan menyebarkan isu hak dan perlindungan kanak-kanak melalui hubungan antara mereka dan rakan-rakan yang lain.

3- Program Jom Daftar TASKA dan Kempen “Sayangi Anak, Kenali Pengasuh”

Program Jom Daftar Taska dan Kempen “Sayangi Anak, Kenali Pengasuh” telah diadakan pada 19 Ogos 2018 bertujuan memberi maklumat kepada pengasuh kanak-kanak dan ibubapa berkenaan keperluan pengasuh kanak-kanak berdaftar dan TASKA berdaftar sebagai usaha memastikan keselamatan kanak-kanak.

Selain itu, program ini juga turut memberi pendedahan kepada para pengasuh berkenaan pertolongan cemas dan kawalan penyakit berjangkit sebagai usaha meningkatkan pengetahuan para pengasuh dalam memastikan keselamatan kanak-kanak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PENSINERGIAN PROGRAM DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Selangor untuk mensinergikan program-program IPR dengan program Kerajaan Persekutuan? Jika tiada, apakah sebab-sebabnya?

JAWAPAN:

- a) Sejak Mei 2018, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah berada di bawah satu tampuk kepimpinan yang sama. Justeru itu, Kerajaan Negeri kini dalam tindakan melaksanakan dan menyelaraskan program-program yang mempunyai tujuan dan objektif yang sama dengan program di bawah Kerajaan Persekutuan agar dapat mengelakkan pertindihan di dalam menetapkan sasaran, matlamat dan bentuk program.

Sebagai contoh, program-program yang dilaksanakan di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang memberikan bantuan kebajikan kepada rakyat di Selangor akan ditambah baik kepada program pengupayaan yang meliputi pembangunan insan dan pendidikan supaya rakyat di Selangor mampu untuk meneruskan kelangsungan hidup tanpa kebergantungan terhadap bantuan Kerajaan Negeri sahaja. Begitu juga dengan program-program pemberdayaan wanita yang akan turut melibatkan penglibatan Jabatan Pembangunan Wanita & Keluarga, Institut Wanita Berdaya, KEMAS dan lain-lain jabatan persekutuan untuk membangunkan rakyat di Selangor secara holistik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KERJASAMA LPHS DAN MBI BAGI PEMBANGUNAN PERUMAHAN
MAMPU MILIK**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk kerjasama di antara LPHS dan MBI dalam perancangan pembangunan perumahan mampu milik Selangor?
- b) Adakah penyelesaian terhadap perumahan peneroka bandar turut diambilkira?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak LPHS sedia bekerjasama dengan MBI atau agensi-agensi lain terutama anak Syarikat Kerajaan Negeri di dalam pembangunan perumahan mampu milik di Negeri Selangor bagi memastikan perumahan tersebut sampai kepada golongan sasaran. Semua projek-projek perumahan yang dijalankan sama ada ianya terdiri dari pihak MBI atau anak Syarikat Kerajaan Negeri mahupun syarikat swasta yang lain adalah tertakluk kepada dasar-dasar semasa yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Negeri seperti Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku 2.0), Dasar Pembangunan Berasaskan 'Transit Oriented Development' (TOD), Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan dan Manual Garis Panduan dan Piawai Perancangan Negeri Selangor serta lain-lain dasar berkaitan bagi menggalakkan dan memperbanyakkan lagi rumah mampu milik di Negeri Selangor. Di antara bentuk kerjasama yang akan dijalankan adalah seperti berikut :
 - i) Akan membangunkan tanah-tanah milik LPHS dan MBI sebagai Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku yang terdiri daripada harga RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit.
 - ii) Membenarkan peningkatan densiti pembangunan di antara 90 unit per ekar sehingga 120 unit per ekar tertakluk kepada zon pembangunan dengan mengambilkira kesesuaian lokasi / tapak cadangan, kemudahan infrastruktur seperti jalan keluar masuk (keperluan Laporan "*Traffic Impact Assesement*" (TIA) dan keperluan mematuhi syarat teknikal yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- iii) Menyediakan Pusat Setempat (*One Stop Centre*) di LPHS melalui Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku bagi membincangkan komponen penyediaan Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku.
 - iv) Mempromosikan / menyebarluaskan projek-projek Rumah Selangorku supaya diketahui oleh rakyat jelata.
 - v) Mengadakan program-program penawaran Rumah Selangorku secara terbuka setelah penawaran berdasarkan merit dibuat bagi mempercepatkan urusan pembelian Rumah Selangorku.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya sesuatu penempatan terdapat peneroka bandar, ianya akan diberikan keutamaan sama ada untuk membeli Rumah Selangorku atau menerima pampasan yang akan diberikan oleh pihak pemaju / pemilik tanah tersebut. Selain daripada itu, Rumah Selangorku juga hendaklah dibina terlebih dahulu bagi memastikan bahawa rumah tersebut dapat ditawarkan kepada peneroka bandar yang terlibat untuk mendiami kawasan tersebut semula tanpa berpindah ke tempat / kawasan lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : WIFI SMART SELANGOR

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi perkhidmatan Wifi Smart Selangor di kawasan luar bandar.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap hotspot Wifi Smart Selangor yang tidak berfungsi dengan baik?
- c) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan saluran kepada orang awam untuk mengadu masalah Wifi Smart Selangor?

JAWAPAN:

- a) Sejak inisiatif Wifi Smart Selangor dimulakan pada bulan September tahun 2015, sudah ada banyak peningkatan prestasi perkhidmatan di mana liputan tambahan di kawasan luar bandar diberi keutamaan. Namun begitu, liputan Wifi Smart Selangor di kawasan luar bandar masih belum mencapai sasaran optimum. Ini disebabkan tiadanya infrastruktur jaringan teras (*Core Network Infrastructure*) untuk sistem komunikasi jalur lebar yang cukup hampir dengan kawasan-kawasan tersebut, walau pun pihak SMARTSEL di bawah MBI selaku pengurus projek ini menggunakan khidmat dari Telekom Malaysia Berhad (TM) yang mempunyai rangkaian teras dan jalur lebar berkelajuan tinggi yang luas dan terbesar di Malaysia.

Dalam hal ini, pihak SMARTSEL-MBI dan TM sentiasa berusaha memperluaskan liputan di kawasan luar bandar dengan mengagihkan *Access Point* (AP) di tempat yang disasarkan disamping mengikut rangkaian teras yang terdekat. Dalam masa yang sama, pihak SMARTSEL, anak syarikat MBI yang mengurus jaringan ini bagi pihak Kerajaan Negeri, sudah mula membangunkan rangkaian digital sendiri khusus untuk Selangor termasuk memasang rangkaian teras ini di luar bandar mengikut fasa. Pelaksanaan ini akan membolehkan liputan jalur lebar yang meluas di kawasan luar bandar dalam beberapa tahun terdekat ini.

- b) Pasukan WiFi Smart Selangor di bawah SMARTSEL, anak syarikat MBI, sentiasa memantau dan menerima aduan ketersediaan (*availability*) dan prestasi di setiap

hotspot dari semasa ke semasa melalui sistem pengurusan jaringan (*Network Management System*). Sekiranya terdapat isu teknikal, ia akan dipanjangkan ke pihak pembekal yang berkaitan untuk tindakan susulan termasuk sama ada menukar Modem atau *Access Point* (AP) dengan yang baharu.

Seperkara lagi, pasukan WiFi Smart Selangor telah memperbaiki proses untuk menyukat dan memantau prestasi pembekal perkhidmatan (TM dan CELCOM) untuk memastikan semua aduan dan masalah dapat diselesaikan dalam jangka masa yang telah dipersetujui.

- c) Orang awam boleh membuat aduan mengenai masalah Wifi Smart Selangor melalui atas talian khusus di helpdesk.wifismartselangor.my atau melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Kerajaan Negeri di selangor.spab.gov.my. Orang awam juga boleh memberi segala cadangan atau maklum balas melalui akaun laman sosial seperti Facebook dan Twitter.

Pihak SMARTSEL yang mengurus jaringan Wifi ini bagi pihak Kerajaan Negeri juga sedang meneliti hal ini untuk menambah saluran serta menambahbaik proses pengurusan aduan.